



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN MEDIA MENTERI KERJA RAYA

(SUSULAN DAKWAAN PERKOBF SEPERTI DISIARKAN UM PADA 6.10.2016)

Kementerian Kerja Raya memandang serius dakwaan Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F Malaysia (Perkobf) bahawa hampir 80 peratus projek menurap jalan raya di negara ini diserahkan kepada pihak ketiga yang kemudiannya mengaut keuntungan atas angin, selain dakwaan berlakunya ketirisan di bahagian pengurusan dan jabatan terlibat dengan mengambil tender kontraktor pada harga di bawah kadar ditetapkan Kementerian Kerja Raya.

Kementerian amat memandang serius dakwaan itu. Sekiranya melibatkan jalan dibawah seliaan Kementerian Kerja Raya (KKR) yakni Jalan-jalan Persekutuan dan disertakan bukti kukuh, tindakan tegas akan diambil. Sehubungan itu selaku Menteri Kerja Raya, saya mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) supaya menjalankan siasatan terperinci terhadap dakwaan berkenaan. Pada masa sama Perkobf atau sesiapa sahaja yang mempunyai bukti berlakunya dakwaan itu juga boleh tampil mengemukakan bukti kepada saya sendiri. Saya memberi jaminan tindakan tegas akan diambil jika dakwaan berkenaan terbukti sah.

Terdapat 2 kategori jalan di Malaysia iaitu Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Bagi jalan Persekutuan, ianya dibahagikan kepada 7 kategori iaitu Jalan Persekutuan Utama, Jalan Persekutuan FELDA, jalan masuk ke Institusi Persekutuan, jalan masuk ke kawasan perindustrian, jalan masuk ke Lembaga Kemajuan Wilayah (contoh jalan ke KESEDAR, KETENGAH), jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan di Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) dan Lebuhraya Bertol. Manakala bagi Jalan Negeri pula, ia nya terbahagi kepada 7 kategori iaitu Jalanraya Negeri, Jalanraya Bandaran, Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah, Lorong Belakang, Jalan Pertanian, Jalan Kampung dan Jalan Pulau Pelancongan.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Tanggungjawab Kementerian Kerja Raya dalam penyenggaraan jalan hanyalah terhad kepada Jalan Persekutuan sahaja. Bagi Jalan Negeri, tanggungjawab adalah di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri dan peruntukan MARRIS turut disalurkan oleh kerajaan Persekutuan kepada kerajaan Negeri.

Bagi skop kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi terbahagi kepada 3 skop, iaitu kerja penyenggaraan rutin, kerja penyenggaraan berkala dan kerja kecemasan. Skop kerja penyenggaraan rutin adalah meliputi menampal pothole, meratakan bahu jalan, memotong rumput, mencuci perabot jalan, mencuci pembetung dan jambatan, mencuci longkang serta pemeriksaan berjadual. Manakala penyenggaraan berkala pula meliputi kerja-kerja penyenggaraan turapan dan kerja-kerja penyenggaraan bukan turapan. Bagi kerja kecemasan dibuat apabila terdapat sebarang runtuhan atau sebarang halangan di jalan Persekutuan.

Jalan Negeri pula meliputi Jalan Kampung, Jalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Jalan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang & Jalan Pihak Berkuasa Tempatan. Jalan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan pula di bawah seliaan Kerajaan Negeri serta jalan-jalan kampung / luar bandar di bawah seliaan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Saya juga mahu Pengurusan tertinggi syarikat konsesi supaya memastikan pemantauan secara berkala dilakukan. Pada masa sama Unit keselamatan Jalan dibawah Cawangan Jalan JKR perlu memastikan tiada kompromi dalam soal kualiti turapan jalan yang perlu menepati SOP dalam audit yang dijalankan.

Kita juga memohon kerjasama orang ramai dan RakanKKR supaya menyalurkan apa sahaja maklumat untuk memastikan jalan raya kita berada dalam keadaan baik untuk keselesaan dan keselamatan pengguna. Kerjasama syarikat pengangkutan melalui persatuan berkenaan juga amat dialu-alukan bagi memastikan tidak ada kenderaan melebihi muatan berada di jalan raya, yang boleh menyebabkan kerosakan jalan.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Pada masa sama, Kementerian menerusi JKR akan terus komited meneruskan kempen sifar lubang 'zero potholes' di seluruh negara, selain saya sendiri dan pengurusan tertinggi akan terus turun padang melalui Program FTRoadpedia dan lawatan mengejut untuk memantau sendiri keadaan jalan.

Untuk makluman terdapat 16 saluran aduan disediakan KKR untuk memudahkan orang ramai membuat aduan iaitu;

- i) Laman Web (*SiSPAA/Portal Agensi)
- ii) E-mel
- iii) SMS
- iv) Hari Bertemu Pelanggan
- v) Hadir Sendiri/Borang Kaunter
- vi) Surat & Faks
- vii) Aduan Mobile Apps (**ADUAN JALAN KKR**)
- viii) Telefon/Talian Bebas Tol
- ix) e-Maklumbalas /Laman Web PM
- x) Surat Khabar / SKP
- xi) Biro Pengaduan Awam
- xii) PEMUDAH
- xiii) Facebook
- xiv) Twitter
- xv) 1 MOCC
- xvi) Rakyat Responz (Mobile Apps BPA)

Setakat 31 Ogos 2016 sejumlah 3629 aduan diterima oleh KKR dan Agensi dengan 100 peratus sudah berjaya diselesaikan.

Merujuk kepada saranan Perkobf supaya kontraktor dan semua pemantau projek mengikuti kursus khas penyelenggaraan jalan raya bagi memastikan mereka memiliki sijil sebaik melepasi ujian disediakan, kementerian menyambut baik saranan berkenaan. Justeru saya mahu supaya JKR dan CIDB melaksanakan kursus yang dicadangkan itu.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Bagi penyelesaian jangka panjang dalam menangani isu semasa termasuk kualiti turapan jalan, Kementerian Kerja Raya akan menggunakan pendekatan pengurusan secara 'Performance Based Contract' yang akan dimulakan pada tahun 2017 di kawasan selatan Semenanjung Malaysia dan diikuti kawasan-kawasan lain pada tahun 2018.

DATO' SRI FADILLAH YUSOF

MENTERI KERJA RAYA

6.10.2016

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my